



AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH menerima menghadap Mohd. Na'im Mokhtar di Istana Negara, Kuala Lumpur, semalam. Pertemuan kira-kira 45 minit itu berlangsung mesra sambil membincangkan banyak perkara berkaitan perundangan syariah. - BERNAMA

Seri Paduka terima menghadap Ketua Hakim Syarie

KUALA LUMPUR 15 Mei - Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah hari ini berkenan menerima menghadap Ketua Pengarah merangkap Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) Datuk Dr. Mohd. Na'im Mokhtar di Istana Negara, di sini.

JKSM dalam satu kenyataan menyatakan bahawa pertemuan selama 45 minit itu berlangsung dalam suasana yang sangat mesra.

"Banyak perkara berkaitan

syariah dan perundangan syariah dibincangkan.

"Mohd Na'im juga berkesempatan menyampaikan ucapan tahniah mewakili warga JKSM, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri dan Mahkamah Syariah Negeri atas pelantikan baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-16," menurut kenyataan itu.

Mohd Na'im dilantik memegang jawatan tersebut pada Mac lepas bagi menggantikan Datuk Mukhyuddin Ibrahim yang menerajui JKSM sejak 2017. **BERNAMA**